

Headline	TNB baiki 47 rumah, bina 15 rumah baharu di Kedah sejak tahun		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 May 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	16
ArticleSize	337 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 26,238		



TNB baiki 47 rumah, bina 15 rumah baharu di Kedah sejak tahun 2008

ALOR SETAR - Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah membaiki sebanyak 47 buah rumah dan membina 15 buah rumah baharu menerusi Projek Baiti Jannati di Kedah sejak tahun 2008.

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Bahagian Pembahagian TNB Kedah, Ismail Lathifi Teh berkata, kesemua projek itu melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.8 juta.

"Di Kedah, sebanyak 47 buah rumah telah dibaiki sejak tahun 2008 hingga 2017 dengan kos sebanyak RM2.1 juta sementara pada tahun ini, TNB membina 15 rumah baharu dengan perbelanjaan RM750,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Perdana Projek Baiti Jannati TNB Peringkat Negeri Kedah di Jalan Sekolah Alor Merah di sini Sabtu lalu.

Beliau memberitahu, projek membina 15 buah rumah yang ber-



KEADAAN rumah Sholehah Mohd. Arop yang musnah dalam kebakaran di Alor Setar, Kedah pada Disember 2017.

mula Februari lalu dijangka siap sepenuhnya sebelum Hari Raya Aidilfitri ini.

"Sebuah rumah yang dilengkapi

tiga bilik tidur dan satu bilik air selain tikar getah, langsir dan meja makan itu melibatkan kos sebanyak RM50,000," katanya.

INFO Projek Baiti Jannati TNB

- Menyasarkan golongan yang memerlukan iaitu Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin yang tinggal di luar bandar



- Mereka ini terdiri daripada golongan yang layak menerima zakat (asnaf) oleh Majlis Agama Islam di negeri masing-masing



- PBJ membaik pulih atau membina baharu rumah

- Rumah yang diduduki adalah sangat usang dan uzur atau penghuninya tidak mampu membaiki atau membinanya

